اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI & KEBOLEHPASARAN GRADUAN

# E Buletin *alumni*

@UMPAlumni

Bil 7 Oktober 2021

## SIDANG EDITORIAL

**Ketua Editor**

Ir. Ts. Dr. Siti Zubaidah binti Sulaiman

**Editor**

Azle bin Abd Ghalim

**Wartawan / Pengarang**

Nurmaryam Aini binti Hashim

Khairunnisa Zafirah binti Hidzir @ Azmi

Anissa Khuderi binti Saedul Khuderi





## TNC (HEPA) JALANKAN TUGAS DAN FUNGSI NAIB CANSELOR UMP

PEKAN, 1 September 2021 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin kini dilantik bagi menjalankan tugas dan fungsi Naib Canselor UMP berkuatkuasa mulai 29 Ogos 2021.

Berita selanjutnya

## STATUS TERKINI PEMBINAAN KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH

Kolej Kediaman ini di inisiatifkan oleh pengurusan universiti dan telah diluluskan permohonan wakaf oleh Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi memberi perlindungan kepada 220 orang mahasiswa dari golongan asnaf dan anak yatim yang dijangka siap pada Januari 2022. Sehingga kini sebanyak RM1.91 Juta telah berjaya dikumpul hasil sumbangan alumni dan masyarakat umum. Baki sebanyak RM3.8 Juta masih diperlukan untuk menyempurnakan projek pembangunan ini. Mari sama-sama rebut peluang ini.




Berita selanjutnya




## UMP MENGEKALKAN KEDUDUKAN DI DALAM PENARAFAN QS GRADUATE EMPLOYABILITY EDISI 2022

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada di kedudukan #301-500 meletakkan UMP di kedudukan #7 di Malaysia. Penilaian QS Graduate Employability Rankings 2022 dibuat ke atas 786 institusi dari seluruh Dunia dengan 550 daripadanya tersenarai untuk penarafan.

Berita selanjutnya

## PPV INTEGRASI@UMP SASAR 1,000 PEMBERIAN VAKSIN SEHARI




Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi salah satu lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Integrasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) hasil kerjasama CITF Negeri Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dan Pejabat Kesihatan Daerah Pahang bagi meningkat dan mempercepatkan kapasiti vaksinasi penduduk di sekitar Pekan dan Kuantan.

Berita selanjutnya




# SEMANGAT KEMERDEKAAN PUPUK PERPADUAN

"Kita perlu bersyukur dengan anugerah kemerdekaan ini dan kita perlu berganding bahu bagi mengekalkan kemerdekaan." ujar Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff. ketika melancarkan Sambutan Bulan Kebangsaan peringkat UMP anjuran Jabatan Pendaftar menerusi dalam talian yang disiarkan secara langsung dalam Facebook UMPMalaysia baru-baru ini.

Berita selanjutnya

# Sembang ALUMNI

Sembang Alumni telah diadakan pada 28 Ogos 2021 sempena edisi Bulan Kemerdekaan. Sembang Alumni ini bertajuk Sejarah Sekadar Hafal atau Hayati telah disampaikan oleh En Muhammad Taqiuddin Mohammad Tabarani Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, 2011 dan moderatornya ialah En Agha Khilfi Suarno Alumni Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal, 2019.

Klik untuk tonton



# SESI LIBAT URUS BERSAMA PERSATUAN ALUMNI GRADUAN UMP

Sesi libat urus bersama Persatuan Alumni Graduan UMP (Alumni UMP Malaysia) dan Ahli lembaga Pengarah UMP (Wakil Alumni) diadakan pada 29 Ogos 2021. Dalam sesi berkenaan, perbincangan menjurus ke arah memperkasakan peranan alumni UMP. Pelbagai idea dan pandangan yang diberikan. Secara prinsipnya, ketiga-tiga pihak bersetuju kerjasama yang erat diperlukan bagi mencapai objektif yang sama iaitu, memperkasakan peranan dan jaringan alumni UMP.






Berita selanjutnya




# SEMBANG ALUMNI SIRI VI : CABARAN BEKERJA DI IRAQ

Sembang Alumni Siri VI iaitu Cabaran Bekerja di Iraq telah berlangsung pada 24 Julai 2021 oleh Cik Farrah Ain Madzlan Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Pembuatan, 2019 dan pembicara oleh En Raymondee Junior Julius. En Raymondee Junior Julius ialah Ketua Unit kepada Pengurus Pelantar Minyak & Gas Petronas Carigali Iraq Holding B. V. dan juga merupakan Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas), 2010.

Klik untuk tonton





## TEMU MESRA ALUMNI : INDUSTRI @ TOP GLOVE

Temu Mesra Alumni telah diadakan pada 24 Julai 2021 (Sabtu) bersama Alumni Industri @ Top Glove pada pukul 4.00 petang sehingga 5.00 petang di Google Meet. Pertemuan secara atas talian ini diadakan bagi berkongsi pengalaman Alumni yang bekerja di Industri semasa musim pandemik Covid-19.

Berita selanjutnya



## ALUMNI UMP BINA EMPAYAR PERNIAGAAN TRINOVIK LABS

En. Gunasegaran a/l Krishnan merupakan Alumni Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), 2015 yang pernah merangkul Hadiah Pelajaran DiRaja sewaktu Majlis Konvokesyen Pertama UMP yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) kini berjaya membina empayar perniagaannya sendiri iaitu Trinovik Labs.

Berita selanjutnya

# Tahniah dan Syabas

ALUMNI UMP



## JOTHI LETCHUMY TERIMA BIASISWA MENYAMBUNG PENGAJIAN KE ENGLAND

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, 2019 Jothi Letchumy a/p Mahenda Kumar, ditawarkan menyambung pengajian di peringkat Sarjana (MREs/PhD) di Imperial College London, England yang diterima meliputi biasiswa untuk sebahagian yuran serta elaun sara hidup daripada pihak Imperial College London. Manakala Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pula menaja bayaran baki yuran pengajian beliau bagi menyambung pengajian.

Berita selanjutnya

# Tahniah dan Syabas

## ALUMNI UMP




## Perlantikan Alumni

Sekalung tahniah kepada YBrs En. Madyasir Ahmad Basir yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (Wakil Alumni) oleh YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun berkuatkuasa 12 Julai 2021. En Madyasir Ahmad Basir merupakan Alumni Program Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Dengan Kepujian, 2019.

Tahniah diucapkan kepada Dr. Ismayuzri Bin Ishak Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, 2009, Dr Izan Izwan Bin Misnon Alumni Program Doktor Falsafah (Bahan Termaju), 2016 dan Dr. Nasrul Hadi Bin Johari Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal (Automotif), 2018 di atas pelantikan sebagai Pengarah.







## Anugerah Cendekia Bitara

Tahniah diucapkan kepada Dr Noormazlinah Ahmad Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, 2007 dan Ts. Mohd Najib Bin Razali juga merupakan Alumni Program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, 2007 atas Anugerah Cendekia Bitara UMP 2021.

Berita selanjutnya

# Tahniah dan Syabas

## ALUMNI UMP

## Alumni Berjaya September







## Alumni Berjaya Ogos







## Alumni Berjaya Julai







@UMPAlumni